

18 JUN 1996
Ramli-Robotik
MCRIA AKAN DIPINDAHKAN KE LEMBAH BERNAM, KATA RAMLI

TANJUNG MALIM, 18 Jun (Bernama) -- Pusat Robotik dan Automasi Perindustrian Malaysia (MCRIA) yang pada masa ini menumpang di kampus cawangan Universiti Sains Malaysia (USM) di Bandar Seri Iskandar akan mempunyai pusat baru di kawasan seluas empat hektar berhampiran Bandar Behrang 2020 di Lembah Bernam.

Menteri Besar Tan Sri Ramli Ngah Talib hari ini berkata, tapak baru bagi pusat milik bersama Yayasan Perak dan Gopeng Berhad di Lembah Bernam adalah bersesuaian dengan pembangunan kawasan itu sebagai pusat automasi dan teknologi tinggi berikutan wujudnya Bandar Proton.

" Selain itu, ianya bukan sahaja dapat membantu kilang-kilang dan syarikat di kawasan itu menggunakan sistem robotik dan automasi, tetapi juga akan mengadakan pusat latihan kemahiran dalam bidang tersebut," katanya kepada pemberita selepas melancarkan "Bernam Industrial Park" di sini.

Bernam Industrial Park, yang terletak di kawasan seluas 178.4 hektar bersebelahan Bandar Proton, dibangunkan bersama oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) yang mempunyai 30 peratus ekuiti bersama syarikat swasta Lintaran Bayu Sdn Bhd yang mempunyai 70 peratus ekuiti dalam tiga peringkat dalam tempoh tahun dengan kos sebanyak RM434 juta.

Ramli berkata kerajaan negeri juga sedang berbincang dengan kerajaan pusat untuk menjadikan MCRIA sebagai pusat robotik dan automasi negara memandangkan kerajaan pusat kini memperlihatkan minat mewujudkan pusat yang serupa ekoran lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke pusat robotik dan automasi Jepun bulan lepas.

MCRIA yang ditubuhkan pada Ogos tahun lepas dengan kos RM50 juta, dijangka mempunyai kilang latihan berharga RM30 juta bagi melatih pekerja kilang mengenai penggunaan robotik dan automasi.

Mengenai pembangunan di Lembah Bernam, Ramli berkata sehingga ini kerajaan negeri telah meluluskan permohonan untuk menukar status tanah ladang seluas 4,000 hektar di kawasan itu kepada perindustrian dengan 80 peratus daripadanya milik individu ataupun syarikat.

Menteri Besar juga berkata pembinaan kilang kedua Proton di sini telah menjadi pemakin kepada pembangunan di kawasan itu yang mana kini terdapat tujuh lagi projek besar-besaran di kawasan itu yang melibatkan pelaburan bernilai RM5,000 juta yang akan mengambil masa lima tahun untuk disiapkan.

Beliau berkata 99 peratus daripada 17 lot industri fasa pertama Bernam Industrial Park yang dibuka untuk jualan telah habis dibeli, begitu juga dengan fasa I Bandar Behrang 2020 Industrial Park.

Bernam Industrial Park dalam rancangan lima tahunnya akan membina 104 unit kilang berkembar, 92 unit kilang teres, 103 lot industri dan juga pusat latihan perindustrian, asrama pekerja dan pusat pameran.

Selain itu, ianya juga akan mempunyai 663 unit rumah teres dua tingkat, 470 unit pangsapuri setinggi lapan tingkat, 62 unit rumah berkembar dua tingkat, 40 lot banglo, sebuah rumah kelab, tiga unit kedai pejabat dua tingkat, 24 unit kedai pejabat tiga tingkat dan 32 unit kedai pejabat empat tingkat. -- BERNAMA

HK PR